

SULIT



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN PERDAGANGAN

PEPERIKSAAN AKHIR

SESI JUN 2017

DPB1033 : MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017
MASA : 2.30 PETANG – 4.30 PETANG (2 JAM)**

Kertas ini mengandungi **TUJUH BELAS (17)** halaman bercetak.

Bahagian A: Objektif (25 soalan)
Bahagian B: Struktur (3 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

SECTION A : 25 MARKS**BAHAGIAN A : 25 MARKAH****INSTRUCTION:**

This section consists of **TWENTY FIVE (25)** objective questions. Mark your answers in the OMR form provided.

ARAHAN :

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH LIMA (25) soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

CLO1
C1

1. Which of the following is the **CORRECT** definition of Management Information System?

*Manakah antara yang berikut merupakan definisi yang **BETUL** bagi Pengurusan Sistem Maklumat?*

- A. A set of interrelated components that collect (or retrieve), process, store, and distribute information.
Satu set komponen yang saling berkaitan digunakan untuk mengumpul (atau menerima), memproses, menyimpan, dan mengagih maklumat.
- B. A collection of parts that link to achieve a common purpose.
Satu koleksi bahagian yang mengandungi pautan untuk mencapai tujuan yang sama.
- C. Referring to data and knowledge that signify understanding of real things or abstract concepts.
Merujuk kepada data dan pengetahuan yang melambangkan kefahaman terhadap perkara sebenar atau konsep yang abstrak.
- D. Knowledge or facts learned, especially about a certain subject or event.
Pengetahuan atau fakta yang dipelajari, terutama mengenai subjek atau peristiwa yang tertentu.

CLO1
C1

2. Identify the function of Management Information Systems (MIS)?

Kenalpasti fungsi Sistem Maklumat Pengurusan (SMP)?

- A. Capture and reproduce the information by an expert problem solver.
Mengumpul dan mengeluarkan semula maklumat oleh pakar penyelesaian masalah.

CLO1
C1

- B. Create and share documents that support day-to-day office activities
Membuat dan berkongsi dokumen yang menyokong aktiviti pejabat setiap hari.
- C. Use the transaction data to produce information needed by managers to run the business
Gunakan data transaksi untuk menghasilkan maklumat yang diperlukan oleh pengurus untuk menjalankan perniagaan
- D. Create and share documents that support day-to-day office activities.
Mencipta dan berkongsi dokumen yang menyokong aktiviti pejabat setiap hari.
3. Select the **CORRECT** statement regarding Digital Firms.
*Pilih kenyataan yang **BETUL** mengenai Firma Digital.*
- A. Essential for conducting day-to-day business as well as achieving strategic business objectives.
Penting untuk menguruskan perniagaan setiap hari serta mencapai objektif strategik perniagaan.
- B. Digital firms offer greater flexibility in organization and management.
Syarikat digital menawarkan kemudahan yang lebih besar dalam organisasi dan pengurusan.
- C. Core business processes are accomplished through digital networks.
Proses perniagaan teras dicapai melalui rangkaian digital.
- D. Almost all of the important relationships between organization with customers, suppliers, and employees are digitally.
Hampir semua hubungan perniagaan yang penting antara organisasi dengan pelanggan, pembekal dan pekerja adalah secara digital.

Provides answers to frequently asked questions, tutorials and procedure in details. It also provide user manuals or articles on a specific subject.

Menyediakan jawapan kepada soalan yang kerap ditanya, tutorial dan prosedur secara terperinci. Ia juga menyediakan manual pengguna atau artikel mengenai perkara tertentu.

CLO1
C1

4. The statement above refers to _____.
Kenyataan di atas merujuk kepada _____.
- A. Information
Maklumat
- B. Knowledge
Pengetahuan
- C. Knowledge base
Asas pengetahuan
- D. Information system
Sistem maklumat

CLO1
C1

5. Which of the following is **NOT** an input device?
*Manakah antara berikut **BUKAN** peranti input?*
- A. Barcode reader
Pembaca kod bar
- B. Touchscreen
Skrin sesentuh
- C. Magnetic card reader
Pembaca kad magnetik
- D. Printer
Pencetak

CLO1
C1

6. Select the **CORRECT** match between the type of network and the geographic scope.
*Pilih padanan yang **BETUL** antara jenis rangkaian dan skop geografi.*

	Type of Network	Geographic scope
A.	Local area network (LAN) <i>Rangkaian kawasan tempatan</i>	A city or metropolitan area <i>Kawasan bandar atau metropolitan</i>
B.	Campus area network (CAN) <i>Rangkaian kawasan kampus</i>	An office or around the building <i>Pejabat atau sekitar bangunan</i>
C.	Metropolitan area network (MAN) <i>Rangkaian kawasan metropolitan</i>	A campus area or corporate facility <i>Kawasan kampus atau fasiliti korporat</i>
D.	Wide area network (WAN) <i>Rangkaian kawasan luas</i>	A transcontinental or global area <i>Kawasan benua atau global</i>

CLO1
C1

7. “_____ refers to the controlling process of the computer hardware operations. It is one of the most critical functions of the systems. It also supports the application programs problem-solving capabilities”.

“_____ merujuk kepada proses mengawal operasi perkakasan komputer. Ia merupakan salah satu fungsi yang paling penting dalam sistem. Ianya juga menyokong dalam aplikasi program keupayaan penyelesaian masalah”

- A. Hardware
Perkakasan
- B. Software
Perisian
- C. Network
Rangkaian
- D. Computer System
Sistem Komputer

CLO1
C2

8. Which of the following is an example of computer crime.
Antara berikut yang manakah merupakan contoh jenayah komputer.

- I. Threatening to cause damage to a protected computer
Mengancam menyebabkan kerosakan kepada komputer yang dilindungi
- II. Accessing a computer system without authority
Mengakses sistem komputer tanpa kebenaran
- III. Breaching the confidentiality of protected computerized data
Melanggar kerahsiaan data berkomputer yang dilindungi
- IV. Illegally accessing stored electronic communications, including e-mail and voice mail
Mengakses secara tidak sah komunikasi elektronik yang disimpan, termasuk e-mel dan mel suara

- A. I, II and III
- B. I, II and IV
- C. II, III, and IV
- D. I, II, III and IV

CLO1
C2

9. Which of the following is the **BEST** explanation for Password as an Authentication method?

Antara berikut yang manakah adalah penjelasan yang TERBAIK untuk Kata laluan sebagai kaedah pengesahan?

- A. Users often forget passwords, share them, or choose poor passwords that are easy to guess, which compromises security.
Pengguna sering lupa kata laluan, berkongsi, atau memilih kata laluan yang lemah yang mudah diteka, yang boleh menjejaskan keselamatan.
- B. Small gadgets that typically fit on key rings and display passcodes that change frequently.
Alatan kecil yang biasanya muat pada cincin kunci dan memaparkan kod laluan yang sering berubah.
- C. Device about the size of a credit card that contains a chip formatted with access permission and other data.
Peranti sebesar kad kredit yang mengandungi cip yang diformatkan dengan kebenaran akses dan lain-lain data.
- D. Systems that read and interpret individual human traits, such as fingerprints, irises, and voices, in order to grant or deny access.
Sistem yang membaca dan mentafsir sifat-sifat manusia secara individu, seperti cap jari, iris, dan suara untuk membenarkan atau menghalang capaian.

CLO1
C1

10. Which of the following is the description of Data Cleansing?

Yang manakah antara berikut adalah penerangan tentang Data Cleansing?

- A. The software is available to automatically delete the incorrect file.
Perisian ini sedia untuk memadam fail yang salah secara automatik.
- B. A structured survey of the accuracy and level of completeness of the data in an information system.
Suatu kaji selidik berstruktur yang mengkaji ketepatan dan tahap kesempurnaan data dalam sistem maklumat.
- C. Can be performed by surveying entire data files, surveying samples from data files, or surveying end users for their perceptions of data quality.
Boleh dilakukan untuk mengukur keseluruhan fail data, mengukur sampel dari fail data, atau mengukur pengguna akhir untuk persepsi mereka terhadap kualiti data.

- D. Known as *data scrubbing*, consists of activities for detecting and correcting data in a database that are incorrect, incomplete, improperly formatted, or redundant.
Dikenali sebagai pembersihan data, terdiri daripada aktiviti untuk mengesan dan membetulkan data dalam pangkalan data yang salah, tidak lengkap, tidak diformat dengan sempurna, atau berulang.

CLO1
C1

11. Which of the following is **NOT** describing the concept of database?
*Manakah antara berikut **BUKAN** menerangkan tentang konsep pangkalan data?*

- A. A software that permits an organization to centralize data
Perisian yang membenarkan organisasi untuk memusatkan data.
- B. A software that provides access to the stored data.
Perisian yang menyediakan laluan kepada data yang telah disimpan.
- C. A software that enables users to navigate the World Wide Web
Perisian yang membolehkan pengguna untuk melayari World Wide Web.
- D. A software that specifies the size and format of each data element used.
Perisian yang mengkhususkan saiz dan format untuk setiap element data yang digunakan.

CLO1
C1

12. Which of the following is **NOT** an example of relational database?
*Antara berikut yang manakah **BUKAN** contoh pangkalan data hubungan?*

- A. Microsoft Access
Akses Microsoft
- B. Oracle Database
Pangkalan Data Oracle
- C. Oracle NoSQL Database
Pangkalan Data Oracle NoSQL
- D. Microsoft SQL Server
Microsoft SQL Server

CLO1
C1

13. ESS is the short form of _____.

ESS adalah singkatan bagi _____.

- A. External Support System
Sistem Sokongan Luar
- B. External Single System
Sistem Tunggal Luar
- C. Executive Support System
Sistem Sokongan Eksekutif
- D. Executive Simple System
Sistem Mudah Eksekutif

CLO1
C1

14. Which of the following is **NOT** a type of Information System.

*Antara berikut yang manakah **BUKAN** jenis Sistem Maklumat.*

- A. Decision Support System
Sistem Sokongan Keputusan
- B. Business Intelligence System
Sistem Kepintaran Perniagaan
- C. Transaction Processing System
Sistem Pemprosesan Transaksi
- D. Management Information System
Sistem Maklumat Pengurusan

CLO1
C1

15. Firms use supply chain management systems to help managing the relationships with their _____.

Firma menggunakan sistem pengurusan rantaian bekalan untuk membantu menguruskan hubungan mereka dengan _____.

- A. Suppliers
Pembekal
- B. Customers
Pelanggan
- C. Sales Department
Jabatan Jualan
- D. Manufacturing Department
Jabatan Pembuatan

CLO1
C2

16. *X system* is a structure that a business uses to collect, store, manage, process, retrieve and report its final data so that it can be used by accountants, consultants, business analysts, auditors and tax agencies.

X system refers to: _____

Sistem X merupakan satu struktur di mana perniagaan gunakan untuk mengumpul, menyimpan, mengurus, memproses, mendapatkan semula dan melaporkan data akhir supaya ia boleh digunakan oleh akauntan, perunding, analisis perniagaan, juruaudit dan agensi cukai.

Sistem X merujuk kepada: _____

- A. Manufacturing Information System
Sistem Maklumat Pembuatan
- B. Marketing Information System
Sistem Maklumat Pemasaran
- C. Accounting Information System
Sistem Maklumat Perakaunan
- D. Human Resources Information System
Sistem Maklumat Sumber Manusia

CLO1
C2

17. The following are the benefits of marketing information system **EXCEPT**: _____

*Berikut adalah manfaat sistem maklumat pemasaran **KECUALI**:* _____

- A. Sharing information and working together virtually among managers from different units of the company.
Berkongsi maklumat dan bekerja bersama-sama secara maya dalam kalangan pengurus dari unit yang berbeza dalam syarikat.
- B. Creating collaboration between marketers and customers on product design and customer requirement.
Mewujudkan kerjasama antara pemasar dan pelanggan pada reka bentuk produk dan keperluan pelanggan.
- C. Predicting customer buying trends and behavior through the analysis of sales and revenue reports.
Meramalkan gaya membeli pelanggan dan tingkah laku melalui analisis jualan dan laporan pendapatan
- D. Helping in the identification of the type of material needed in the production process.
Untuk membantu mengenalpasti jenis bahan yang diperlukan dalam proses pengeluaran.

CLO2
C1

18. Choose the **CORRECT** life cycle sequential phases of System Development Life Cycle.

*Pilih urutan kitaran fasa kehidupan yang **BETUL** bagi Kitaran Hayat sistem Pembangunan*

- A. System analysis - System design – Programming – Testing – Conversion – Production and maintenance.
Analisis sistem – Rekabentuk sistem – pengaturcaraan – Percubaan – Penukaran- Pengeluaran dan penyelenggaraan.
- B. Design – Analysis – Implementation – Investigation – Maintenance
Rekabentuk – Analisis – Pelaksanaan – Penyiasatan – Penyelenggaraan
- C. Analysis – Investigation – Design – Implementation – Maintenance
Analisis – Penyiasatan – Rekabentuk – Pelaksanaan – Penyelenggaraan
- D. Implementation – Investigation – Design – Analysis – Maintenance
Pelaksanaan – Penyiasatan – Rekabentuk – Analisis – Penyelenggaraan

CLO2
C1

19. In the world of information technology, the first three steps of problem-solving are as known as: _____

Dalam dunia teknologi maklumat, tiga langkah pertama dalam penyelesaian masalah dikenali sebagai: _____

- A. problem definition
mendefinisikan masalah
- B. system analysis
analisis sistem
- C. system design
rekabentuk sistem
- D. information requirements
keperluan maklumat

CLO2
C1

20. C++, COBOL, Fortran, and Pascal are the most popular language for: _____

C++, COBOL, Fortran dan Pascal merupakan bahasa pengaturcaraan yang popular bagi: _____

- A. Machine language
Bahasa mesin
- B. Assembly language
Bahasa himpunan
- C. High-level language
Bahasa aras- tinggi
- D. Fourth generation language
Bahasa generasi keempat

CLO2
C121. Select the **CORRECT** statement about Intellectual Property.

Pilih kenyataan yang **BETUL** mengenai Harta Intelek.

- A. Publishing method of music files and video.
Kaedah penerbitan untuk fail muzik dan video.
- B. Is a method that allows subscribing users to download audio or video files onto their personal computers.
Merupakan satu kaedah yang membolehkan pengguna yang telah melanggan untuk memuat turun fail audio atau video ke dalam komputer peribadi mereka.
- C. Is a method of publishing audio or video broadcasts via the Internet
Merupakan kaedah penerbitan audio atau video bersiaran melalui Internet
- D. Refers to all forms of human expression that can be put into a tangible medium such as text, CDs, or DVDs.
Merujuk kepada semua bentuk ungkapan manusia yang boleh dimasukkan ke dalam medium yang nyata, seperti teks, CD, atau DVD.

CLO2
C1

22. Which law gives protection to the inventor of intellectual property for the life of the author plus an additional 70 years after the author's death?

Yang manakah undang-undang yang melindungi pencipta harta intelek sepanjang kehidupan penulis termasuk tambahan 70 tahun selepas kematian penulis?

- A. copyright
hak cipta
- B. trade secret
rahsia perdagangan
- C. patent
paten
- D. privacy
kerahsiaan

CLO2
C1

23. Copyright protection includes _____

Perlindungan hak cipta termasuk _____.

- I. Drawing
Lukisan
 - II. Books
Buku
 - III. Dramas
Drama
 - IV. Lectures
Syarahan
- A. I and II
 - B. I, II and III
 - C. II, III and IV
 - D. I, II, III and IV

CLO2
C1

24. A basic ethical concept that means mechanisms are in place to determine who took responsible action or who is responsible for certain actions is: _____

Konsep asas etika yang bermaksud mekanisme berada di tempat untuk menentukan siapa yang mengambil tindakan bertanggungjawab atau siapa yang bertanggungjawab untuk tindakan tertentu adalah: _____

- A. loyalty
kesetiaan
- B. liability
liabiliti
- C. accountability
akauntabiliti
- D. duties
tugas

CLO2
C2

25. Which of the following refers to moral dimension of the information age involving cultural values and practices?

Yang manakah antara berikut merujuk kepada dimensi moral berkaitan era maklumat yang melibatkan nilai-nilai dan amalan budaya?

- A. Information rights and obligations
Hak maklumat dan kewajipan
- B. Accountability and control
Kebolehpercayaan dan kawalan
- C. Property rights and obligations
Hak harta dan kewajipan
- D. Quality of life
Kualiti hidup

SECTION B : 75 MARKS

BAHAGIAN B : 75 MARKAH

INSTRUCTION:

This section consists of **THREE (3)** structured questions. Answer **ALL** questions.

ARAHAN:

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan berstruktur. Jawab **SEMUA** soalan.

QUESTION 1

SOALAN 1

CLO1
C1

- (a) Define the following terminologies:

Takrifkan istilah berikut:

- i. Data / *Data*
- ii. Information / *Maklumat*
- iii. Knowledge / *Pengetahuan*
- iv. Knowledge base / *Asas Pengetahuan*
- v. Information system / *Sistem Maklumat*

(10 marks)

(10 markah)

CLO1
C1

- (b) List **FIVE (5)** examples of common computer hardware among small companies.

Berikan LIMA (5) contoh perkakasan computer yang biasa digunakan di syarikat-syarikat kecil.

(5 marks)

(5 markah)

CLO1
C2

- (c) Describe the following essential characteristics of cloud computing as defined by The U.S. National Institute of Standards and Technology (NIST).

Jelaskan ciri-ciri penting perkomputeran awan berikut seperti yang didefinisikan oleh U.S. National Institute of Standard and Technology (NIST).

- i. On-demand self-service
Permintaan layan diri
- ii. Ubiquitous network access
Capaian rangkaian sentiasa tersedia
- iii. Location-independent resource pooling
Lokasi bebas pengumpulan sumber
- iv. Rapid elasticity
Keanjalan yang pantas
- v. Measured service
Perkhidmatan pengukuran

(10 marks)

(10 markah)

QUESTION 2

SOALAN 2

CLO1
C1

- (a) An information policy has specified the organization's rules into several activities. List **FIVE (5)** activities that are subject to information policy.
*Polisi maklumat mengkhususkan peraturan organisasi kepada beberapa aktiviti.
Senaraikan LIMA (5) aktiviti yang tertakluk kepada polisi maklumat.*

(5 marks)

(5 markah)

CLO1
C2

- (b) Today, the most popular type of Database Management System (DBMS) for Personal Computer as well as for large computers and mainframes is the Relational Database Management System (DBMS).
Jenis yang paling popular bagi Sistem Pengurusan Pangkalan Data (SPPD) hari ini untuk komputer peribadi dan juga untuk komputer besar dan kerangka utama adalah Sistem Pengurusan Pangkalan Data Hubungan.

- i. Describe Relational Database Management System (DBMS).
Terangkan Sistem Pengurusan Pangkalan Data Hubungan (SPPD).

(5 marks)

(5 markah)

- ii. Differentiate between Microsoft Access and Microsoft SQL Server.
Bezakan di antara Microsoft Access dan Microsoft SQL Server.

(2 marks)

(2 markah)

CLO1
C1

- (c) Internet and other information technologies which are being used widely today are to support business process in several business functions.

Internet dan lain-lain teknologi maklumat yang digunakan secara meluas pada hari ini adalah untuk menyokong proses perniagaan dalam beberapa fungsi perniagaan.

- i. List **THREE (3)** functions of business system.

Senaraikan TIGA (3) fungsi sistem perniagaan.

(3 marks)

(3 markah)

- ii. Identify **FOUR (4)** objectives of Human Resource Information System development.

Kenalpasti EMPAT (4) objektif pembangunan Sistem Maklumat Sumber Manusia.

(4 marks)

(4 markah)

CLO1
C2

- (d) Distinguish between the Transaction Processing System and the Management Information System.

Bezakan antara Sistem Pemprosesan Transaksi dan Sistem Pengurusan Maklumat.

(6 marks)

(6 markah)

QUESTION 3

SOALAN 3

CLO2
C1

(a) State the **FIVE (5)** phases in system development life cycle.

Nyatakan LIMA (5) fasa yang terdapat di dalam kitaran pembangunan sistem.

(5 marks)

(5 markah)

CLO2
C1

(b) i. Identify **THREE (3)** laws that protect the intellectual property rights.

Kenalpasti TIGA (3) undang-undang yang melindungi hak harta intelek.

(3 marks)

(3 markah)

ii. List **FIVE (5)** challenges in the intellectual property rights.

Senaraikan LIMA (5) cabaran dalam hak harta intelek.

(5 marks)

(5 markah)

CLO2
C2

(c) (i) Explain the copyright law.

Terangkan undang-undang hak cipta.

(6 marks)

(6 markah)

(ii) Describe **TWO (2)** factors that threaten the privacy of individuals.

Jelaskan DUA (2) faktor yang mengancam kerahsiaan individu.

(6 marks)

(6 markah)

SOALAN TAMAT